



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

18 JANUARI 2021 (ISNIN)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

18 JANUARI 2021 (ISNIN)

Barang dapur naik harga ketika pelaksanaan PKP

Peniaga manipulasi harga dipantau

Oleh ZULKIFLI MANZOR

PETALING JAYA – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi amaran akan mengambil tindakan tegas kepada mana-mana peniaga yang cuba mengambil kesempatan menaikkan harga minyak masak semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menterinya, Datuk Alexander Nanta Linggi berkata, peniaga boleh diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

"KPDNHRP komited memastikan keberadaan bekalan minyak masak bersubsidi di pasaran menerusi pemantauan

ke atas pengilang dan syarikat pembungkus minyak masak.

"Enam notis di bawah Seksyen 21 AKHAP 2011 telah dikemukakan kepada peniaga untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan kenaikan harga yang berlaku," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Tambahnya, peniaga yang melakukan aktiviti mencatut akan disiasat.

Menurut beliau, KPDNHEP konsisten dalam mengawal serta aktiviti perdagangan dan pengedaran bagi memastikan barang keperluan asas mencukupi di pasaran.

"Penyelian ini juga bagi memastikan tiada peniaga mengambil kesempatan mema-

nipulasi harga dalam tempoh sukar ketika ini," katanya.

Terdahulu, katanya, sehingga kelmarin KPDNHEP melakukan pemeriksaan khas pematuhan prosedur operasi standard (SOP) melibatkan pemeriksaan ke atas 321,850 premis perniagaan.

Menurut beliau, sebanyak 314,018 premis didapati patuh SOP PKP, manakala 477 premis diberi amaran untuk membuat penambahbaikan segera berhubung perkara itu.

Kata beliau, sebanyak 7,355 premis telah diberi nasihat untuk menambah baik dan mengekalkan pematuhan secara konsisten sepanjang beroperasi.



ALEXANDER (kiri) melihat minyak peket yang dijual di sebuah pasar raya ketika membuat tinjauan di Kuala Lumpur kelmarin.

Nafi minyak peket satu kg dijual mahal ketika PKP

Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menafikan harga minyak peket satu kilogram (kg) dijual pada harga tinggi ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menterinya, Datuk Alexander Nanta Linggi berkata, minyak masak itu adalah barang kawalan bersubsidi sejak 2007 yang dijual pada harga RM2.50.

Katanya, KPDNHEP menerima aduan minyak masak itu dijual dengan harga tinggi manakala bagi minyak botol bersaiz lima kg tertakluk kepada harga pasaran terbuka.

"Minyak masak dalam bentuk pembungkusan berpeket satu kg adalah barang kawalan bersubsidi sejak

2007," katanya dalam keadaan media, semalam.

Kelmarin, Alexander mengadakan pemeriksaan di kompleks beli-belah Kipp Mall, Kota Warisan dan *Giant Distribution Centre* di Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang bagi memantau pematuhan prosedur operasi standard (SOP) dan kawalan harga jualan dalam klangan harga jualan dalam kawalan sektor perdagangan.

Pemeriksaan itu turut disertai Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad dan Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP, Azman Adam.

Alexander berkata, sejak November 2016, kerajaan melalui KPDNHEP memulakan Program Skim Rasonalisasi Harga Minyak Ma-

sak (COSS) dengan hanya memberikan subsidi kepada minyak masak dalam bungkus satu kg.

Menurutnya, kerajaan masih mengekalkan pemberian subsidi bagi minyak masak dalam polibeg satu kg bertujuan memastikan rakyat dapat menikmati bahan makanan itu dengan harga mampu milik.

"Bagi memastikan keperluan mencukupi, KPDNHEP akan mengadakan pemantauan berterusan terhadap pengilang dan syarikat pembungkus minyak masak, mengaudit di setiap rantai bekalan minyak masak serta menjalankan pemeriksaan harian kepada peruncit, pemborong dan pasar raya," katanya.

CONTROLLED ITEM

'Price of 1kg cooking oil pack has not jumped'

PUTRAJAYA: The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry is refuting claims that the price of the 1kg cooking oil pack has skyrocketed during the Movement Control Order (MCO).

Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said the 1kg pack had been a controlled subsidised item since 2007 and was retailed at RM2.50, whereas the 5kg bottle of cooking oil was set at market price.

On Saturday, Nanta Linggi conducted checks at the KIPMall shopping complex, Kota Warisan and Giant Distribution Centre at Bandar Baru Salak



Datuk Seri Alexander Nanta Linggi

Tinggi in Sepang to monitor compliance with the standard operating procedures (SOP) and price controls.

He was accompanied by secretary-general Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad and enforcement director Azman Adam.

Nanta Linggi said since November 2016, the ministry had initiated the Cooking Oil Price Stabilisation Scheme.

He said the government would continue to provide the cooking oil subsidy to ensure that the people could enjoy food at an affordable price.



A consumer buying cooking oil at a supermarket in Kuala Lumpur yesterday. PIC BY MOHAMAD SHAHRI, BADRI SAALI

He said the ministry was committed to ensuring an adequate supply of subsidised cooking oil in the market.

"The ministry will conduct checks on cooking oil manufacturers and packaging companies, conduct audits on cooking oil

supply chains, and daily inspections of retailers, wholesalers and supermarkets."

Nanta Linggi said throughout the MCO, 477 business premises had been given warnings for not complying with the standard operating procedures.

"A total of 7,355 more premises have been advised to comply with the SOP.

"Throughout the enforcement operations until Jan 16, the ministry had inspected 321,850 business premises nationwide," he said.

HARI : _____
TARIKH : **18/1/2021**
M/SURAT : **2**

Subsidy only for 1kg bag of cooking oil

PUTRAJAYA: Government subsidy for cooking oil is only for 1kg oil sold in polybags. This has been the policy since November 2016, according to Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

In a statement issued yesterday, he said the

subsidy came under the Cooking Oil Stabilisation Scheme.

"The aim is to ensure that people can afford cooking oil sold at RM2.50 per kg."

He was commenting on social media complaints that the price of 5kg bottled cooking oil is sold at a higher price in the market.

He added currently 60,000 tonnes of subsidised cooking oil are provided every month to be distributed nationwide, including in rural areas and the amount is sufficient for the use of Malaysians.

The ministry is committed to ensuring the supply of subsidised cooking oil in the market

through monitoring of cooking oil manufacturers and packaging companies, auditing cooking oil supply chains as well as conducting daily inspections at retail and wholesale outlets, he said, adding that 477 business premises have been issued with warnings. — Bernama

3 daerah di Kedah kurang bekalan minyak masak paket

Peniaga terpaksa hadkan pembelian kepada pengguna

Oleh Zuliaty Zulkifli dan Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Bekalan minyak masak bersubsidi di tiga daerah di Kedah dikatakan berkurangan menyebabkan orang ramai terutama peniaga makanan berdepan masalah.

Antara daerah yang terjejas teruk adalah Kota Setar, Pendang dan Langkawi manakala daerah lain turut mengalami masalah sama.

Tinjauan di beberapa kedai runcit sekitar Pasar Besar Alor Setar, di sini, semalam mendapati bekalan minyak masak paket itu hanya dijual satu atau dua bungkus kepada setiap pelanggan.

Peniaga, Fauzi Sharif, 60, ber�ata peniaga terpaksa mendapatkan bekalan minyak masak paket walaupun agak sukar diperolehi. Kekurangan minyak masak paket ini berlaku sejak minggu ini dan dia terpaksa mengehadkan pembelian kepada pengguna setiap hari.

"Saya hanya dapat kuota 200 bungkus daripada pemborong. Jadi, tak boleh jual lebih sebab bimbang stok habis dan terpaksa hadkan pembelian dua bungkus untuk seorang pengguna," katanya semalam.

Setiausaha Persatuan Penggu-



Mohd Yusrizal menunjukkan bekalan minyak masak yang berkurangan di kedai runcit di Pasar Besar Alor Setar, semalam. (Foto Zuliaty Zulkifli/BH)

na Kedah (CAKE), Mohd Yusrizal Yusoff, berkata pihaknya menerima aduan kesukaran mendapatkan minyak masak bersubsidi daripada pengguna di tiga daerah sejak Khamis lalu.

Katanya, hasil tinjauan di daerah ini mendapati, bekalan minyak masak bersubsidi sukar diperoleh sejak 1 Januari lalu.

Disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), PKPB (Bersyarat) dan PKPP (Pemulihan), ramai pengguna membeli minyak masak paket kerana pendapat mereka terjejas.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai

Penguatan Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kedah, Mohd Shahran Mohd Arshad, berkata setakat ini pihaknya belum menerima laporan berkaitan kekurangan bekalan minyak bersubsidi di negeri itu.

Bagaimanapun, setakat ini pihaknya ada menerima aduan mengenai kenaikan harga minyak masak botol daripada pengguna.

Sementara itu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata kerajaan meny-

diakan 60,000 tan minyak masak bersubsidi setiap bulan dan diedarkan ke seluruh negara. Jumlah pengeluaran ini adalah mencukupi bagi kegunaan rakyat Malaysia.

"Minyak masak dalam paket sekilogram adalah barang kawalan bersubsidi yang dijual pada harga RM2.50 sepakat," katanya dalam kenyataan semalam.

Sehubungan itu, beliau menyangkal dakwaan pihak tertentu bahawa harga minyak masak paket sekilogram naik harga ketika pelaksanaan PKP.

Menjelaskan lanjut, Alexander berkata, KPDNHEP komited memastikan bekalan minyak masak bersubsidi ada dalam pasaran, melalui pemantauan ke atas pengilang serta syarikat pembungkuhan minyak masak, mengaudit setiap rantai bekalan dan melakukan pemeriksaan harian di peruncit, pemborong serta pasar raya.

Beliau menegaskan, mana-mana peniaga didapati cuba mengambil kesempatan dan menaikkan harga minyak masak tanpa mematuhi perundangan, boleh diambil tindakan tegas mengikut Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan (AKHAP) 2011.

Alexander juga menjelaskan sejumlah enam notis mengikut Seksyen 21 AKHAP 2011 telah dikemukakan kepada peniaga untuk mendapatkan maklumat lanjut berhubung kenaikan yang berlaku dan mengesan jika wujud sebarang elemen pencatutan.

"Peniaga yang melakukan aktiviti mencatut akan disiasat dan jika sabit kesalahan, akan diambil tindakan mengikut Seksyen 14 AKHAP 2011," katanya.

Minyak masak peket jadi rebutan

ALOR SETAR – Kenaikan harga minyak masak botol menyebabkan permintaan terhadap minyak masak peket bersubsidi meningkat sehingga bekalan di negeri ini didapati berkurangan sejak awal bulan ini.

Setiausaha Kehormat Persatuan Pengguna Kedah (Cake), Mohamad Yusrizal Yusoff memberitahu, minyak masak botol lima kilogram (kg) dipastikan mengalami kenaikan harga dari kira-kira RM18.70 kepada RM27 sebotol.

"Kenaikan tersebut menyebabkan pengguna terutama peniaga beraih kepadai minyak masak dalam bentuk peket yang

dijual pada harga RM2.50.

"Pembelian dalam kuantiti yang banyak menyebabkan bekalan di kebanyakkan premis termasuk kedai runcit dan pasar raya berkurangan dan kehabisan stok," katanya.

Katanya, pemeriksaan juga mendapati ada peniaga kedai runcit yang terpaksa mengehadkan dua atau satu peket sahaja kepada setiap pembeli.

Selain itu, menurut Mohamad Yusrizal, kekurangan minyak masak bersubsidi itu juga diperdaya disebabkan oleh pembelian dalam jumlah banyak susulan penguatkuasaan Perintah Kaw-

ian Pergerakan Bersyarat (PKPB) di negeri ini.

"Kita juga percaya berlaku pengurangan kuota bekalan minyak masak kepada syarikat pemborong di sini," jelasnya.

Sementara itu, Pengurus Pasar Besar Alor Setar yang juga pemilik kedai runcit, Mohd. Fauzi Sharip berkata, dia terpaksa mengehadkan dua peket minyak masak bersubsidi bagi setiap pembeli.

"Saya berharap kekurangan bekalan minyak masak peket ini dapat diselesaikan segera sebelum berlaku kehabisan stok," tambahnya.



MOHAMAD YUSRIZAL (tengah) dan Mohd. Fauzi (kanan) menunjukkan stok minyak peket yang semakin berkurangan ketika ditemui di Alor Setar semalam.

Kosmo!

SUARA KONTEMPORARI

HARI : ISNIN
TARIKH : 18/1/2021
M/SURAT : 16



Senarai Harga Barang Keperluan

Ayam	RM5.90
Daging Lembu Tempatan	RM32
Daging Lembu Import	RM23

Telur Gred A	RM9.79
Ikan Kembung	RM8.90
Minyak Masak	RM5.32

Gula Pasir	RM2.60
Bawang Besar Holland	RM2.69
Bawang Putih	RM4.80

Cili Merah	RM12.80
Kubis Tempatan	RM3.80
Tepung Gandum	RM1.35

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP